

NO. SOALAN : 186

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan laporan penuh mengenai tarif tenaga elektrik yang berkuat kuasa dalam kontrak *Power Purchase Agreement* (PPA) bersama semua penjana elektrik bebas (IPP) supaya sebarang tarif elektrik yang ditentukan menerusi kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR) di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) adalah wajar dan tidak menyusahkan para pengguna.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penentuan tarif elektrik di Semenanjung dibuat berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR). IBR digunakan secara meluas di seluruh dunia, diperkenalkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2012 untuk memastikan sektor industri bekalan elektrik yang dapat beroperasi secara mampan dan berdaya harap melalui pulangan yang telus dan adil yang menggalakkan kecekapan maksimum. Dengan pelaksanaan IBR, ia memastikan TNB beroperasi secara cekap serta mengenakan caj yang kompetitif kepada pelanggan.
2. IBR terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen tarif asas (*Base Tariff*), dan komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT). Tarif asas ditetapkan oleh Kerajaan setiap 3 tahun manakala komponen ICPT diselaraskan setiap 6 bulan dengan mengambil kira perubahan kos penjanaan dan kos bahan api. Bagi tempoh 2014 hingga 2017, Kerajaan telah menetapkan komponen tarif asas pada kadar 38.53 sen/kWj.

3. Kedua-dua komponen tarif inilah yang menentukan jumlah sebenar bil yang perlu dibayar oleh pengguna elektrik kepada TNB. Oleh itu, sebarang penyelarasan kepada kadar tarif, sama ada peningkatan atau penurunan adalah bergantung kepada kedua-dua komponen tarif ini khususnya komponen ICPT kerana ia melibatkan kos bahan api yang berubah mengikut harga pasaran kecuali harga gas berpaip yang dikawal oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. *Power Purchase Agreement* (PPA) mengandungi terma-terma komersial pembelian tenaga merupakan dokumen sulit yang ditandatangani di antara penjana kuasa bebas (IPP) dan syarikat utiliti. Antara terma utama dalam perjanjian tersebut ialah pihak utiliti dan IPP tidak boleh mendedahkan kandungan perjanjian tersebut kepada mana-mana pihak melainkan kedua-dua pihak bersetuju untuk berbuat demikian. Memandangkan perjanjian ini merupakan satu transaksi komersial yang melibatkan pihak swasta dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang, Kerajaan perlu menghormati perjanjian tersebut.

5. Di bawah kerangka IBR dan mekanisme ICPT, kadar tarif pembelian tenaga daripada semua penjana kuasa akan diambil kira untuk menentukan kadar purata tarif elektrik asas yang dikenakan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih

.....